

TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI KLANG (Level of Soft Skill Mastery Among Secondary School Students in Klang)

* Muhamad Fikri Abd Razak

¹Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author's email: fikirazak84@yahoo.com

Article History:

Submit: 7 May 2019

Accepted: 9 May 2019

Revised: 11 June 2019

Published: 30 June 2019

Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*

Vol. 3, No. 1 (2019), 69-80

Abstrak

Kementerian Pendidikan Malaysia mengharapkan kurikulum dan kegiatan kokurikulum dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Objektif kajian adalah untuk menentukan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar dan perbezaan penguasaan kemahiran insaniah mengikut jantina dan bangsa. Metodologi yang digunakan adalah pendekatan kuantitatif untuk menjawab tiga persoalan kajian. Data untuk kajian berbentuk tinjauan ini dikumpulkan melalui instrumen soal selidik yang telah divalidasi. Sampel kajian yang dipilih melalui persampelan rawak berstrata terdiri daripada 310 orang pelajar tingkatan Empat daripada lima buah sekolah terpilih di sekitar Klang. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 22.0. Dapatan menunjukkan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar berada pada tahap tinggi untuk keempat-empat subdimensi. Analisis ujian-t sampel tak bersandar menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam penguasaan kemahiran insaniah. Walau bagaimanapun, Ujian Anova Satu Hala pula menunjukkan terdapat perbezaan penguasaan kemahiran insaniah yang signifikan mengikut bangsa. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan Malaysia berjaya dalam pembentukan kemahiran insaniah pelajar. Implikasi kajian menunjukkan modul kemahiran insaniah perlu dibina dengan segera supaya penerapan kemahiran insaniah kepada pelajar menjadi lebih sistematik dan berkesan.

Kata kunci: Kemahiran Insaniah, Jantina, Bangsa

Abstract

Malaysian Ministry of Education hopes that the curriculum and co-curricular activities will enhance the student's soft skills. The objective of the study was to determine the level of mastery of the student's soft skills and the difference in the mastery of the soft skills according to gender and race. The methodology used is a quantitative approach to answer three research questions. Data for this survey study was collected through a validated questionnaire. The sample of the study selected through stratified random sampling consists of 310 form four students from five selected schools around Klang. The data was analyzed using SPSS version 22.0. The findings indicate that the students' level of soft skills mastery is at high level for the four subdimensions. The t-test of independent samples showed no difference between male and female students in the mastery of soft skills. However, one-way Anova Test shows that there is a significant difference in the mastery of soft skills according to students' race. In conclusion, this study shows that the Malaysian education system succeeds in the development of student's soft skills. The implication of the study shows that the soft skills modules need to be built immediately so that the application of soft skills to the students becomes more systematic and effective.

Keywords: *Soft skills, Gender, Race*

1.0 PENDAHULUAN

Dunia tanpa sempadan telah merangsang negara melahirkan keperluan sumber tenaga manusia bagi memenuhi keperluan pembangunan yang semakin pesat. Aset tenaga kerja yang berkualiti menjadi pemangkin kepada pembangunan negara. Kemahiran teknikal yang diberi keutamaan dalam pembelajaran membantu meningkatkan kualiti sumber manusia namun pasaran tenaga kerja masa kini tidak hanya menekankan kemahiran teknikal tetapi pasaran kerja masa kini memerlukan sumber manusia yang

multiskill (Quek, 2005, Khaleed Nordin, 2011). Sumber tenaga kerja yang baik adalah tenaga kerja yang mempunyai kemahiran akademik dan kemahiran *employability* (Mohd Yusof Hussain, Mohamad Satar Rasul, Ramlee Mustapha, Syed A. Malik & Rose Amnah Abd Rauf, 2013). Graduan yang mempunyai kedua-dua kemahiran ini menjadi pilihan majikan masa kini (Riam Chau Mai, 2012). Penguasaan pelajar terhadap kemahiran bolehkerja seperti kemahiran pengurusan diri dan kemahiran bekerja dalam pasukan boleh menjamin kebolehpasaran mereka dalam dunia pekerjaan (Abd Hair Awang, Azimi Hamzah, Rahmah Ismail & Jegak Uli, 2004; Mohd Yusof H, Ramlee Mustapha, Syed A. Malik, & Seri Bunian M., 2012.)

Akta Pendidikan 1996 menyatakan, Kurikulum Kebangsaan adalah satu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai unsur budaya dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang pelajar dengan sepenuhnya dari aspek jasmani, rohani, mental dan emosi serta sosial. Selain kurikulum, aktiviti kokurikulum juga dapat membantu perkembangan aspek jasmani, rohani, emosi, intelek dan sosial. Surat pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 menggariskan peranan utama sekolah bukan semata-mata menyampaikan ilmu pengetahuan bahkan juga melahirkan pelajar yang boleh memberi sumbangan ke arah hidup yang harmonis, bertoleransi, berdisiplin dan mempunyai sahsiah yang baik serta menghayati nilai hidup berasaskan prinsip Rukun Negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menekankan anjakan ketiga iaitu melahirkan rakyat yang dapat menghayati nilai dengan membangunkan murid secara holistik melalui penyertaan murid dalam 1sukan, 1kelab dan 1badan uniform bertujuan menggilap bakat dan minat murid di luar bilik darjah yang formal. Kokurikulum adalah aktiviti bukan akademik yang mampu membawa pelajar kepada perkembangan diri yang lebih meluas melalui penglibatan dan pengalaman dalam aktiviti yang dirancang.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH


Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah untuk memastikan modal insan negara mempunyai pengetahuan yang luas dan kemahiran yang tinggi serta relevan dengan kehendak semasa dan keperluan masa hadapan serta berkebolehan untuk bersaing dalam persaingan globalisasi. KPM ingin melahirkan modal insan yang mampu berfikir di luar kotak, pemikiran kritis dan kreatif, berkebolehan untuk menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang baru dan mempunyai daya tahan bagi berhadapan dengan persekitaran global yang sangat mencabar (PIPP 2006-2010).

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Walaupun Malaysia mengeluarkan ramai graduan namun mereka tidak dapat memenuhi kehendak majikan menjadi fenomena yang merungsingkan semua pihak (Mohd Safarin dan Mohd Zolkipli, 2005, MacArdle, Walters, Briscoe dan Hall, 2007, Seetha, 2014). Menurut Wong (2010) terdapat 80 000 sehingga 100 000 siswazah menganggur di Malaysia pada tahun 2009. Antara faktor yang dikenal pasti berlakunya kegagalan ini adalah graduan ini tidak lemah dalam aspek teknikal atau sains tetapi mereka lemah dalam aspek penyelesaian masalah, kurang kemahiran komunikasi dan kurang kemahiran kepimpinan yang terangkum dalam kemahiran insaniah (MZ Kamsah, 2004, Jackson, 2008, Ali @ Alik, 2012). Noor Azina Ismail (2011) dalam kajian Majlis Tindakan Ekonomi Negara 'Study on the Employment Situation in Malaysia' 2003, menyatakan salah satu punca para siswazah gagal mendapat pekerjaan adalah kerana kurang kemahiran dari aspek komunikasi dan interpersonal. Terdapat tiga objektif kajian dan tiga soalan kajian yang akan dijawab dalam kajian ini.

4.0 KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kerangka konsep kajian menunjukkan pemboleh ubah bebas iaitu jantina dan bangsa. Jantina terbahagi kepada dua, lelaki dan perempuan dan bangsa terbahagi kepada empat kumpulan, iaitu bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain (Sikh dan Siam). Manakala pemboleh ubah bersandar adalah empat subdimensi kemahiran insaniah terdiri daripada kemahiran komunikasi, kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, kemahiran bekerja dalam pasukan dan kemahiran kepimpinan.



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian: Kemahiran Insaniah Pelajar

5.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar, mengenal pasti perbezaan min yang signifikan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar mengikut jantina dan mengenal pasti perbezaan min yang signifikan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar mengikut bangsa

6.0 SOALAN KAJIAN

Sebanyak tiga persoalan kajian yang ingin dijawab iaitu pertama, apakah tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar (secara umum dan mengikut subdimensi)², persoalan kedua, adakah terdapat perbezaan min yang signifikan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar mengikut jantina? Dan ketiga, adakah terdapat perbezaan min yang signifikan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar mengikut bangsa?

7.0 HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan kepada soalan 2 dan 3, dua hipotesis telah dibina dan diuji dalam kajian ini.

Hipotesis:

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap penguasaan kemahiran insaniah mengikut jantina

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap penguasaan kemahiran insaniah mengikut bangsa

8.0 KEPENTINGAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

Hasil kajian dapat menunjukkan tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar lima buah sekolah setelah sebelas tahun berada di sekolah. Unsur kemahiran insaniah merupakan elemen dalam proses pembelajaran yang diharapkan dapat menjadi perkara yang akan diketengahkan oleh pihak kementerian sebagaimana unsur nilai-nilai murni dan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis yang dijadikan unsur dalam pendidikan merentas kurikulum.

9.0 SOROTAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan modul kemahiran insaniah yang dihasilkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2006. Terdapat tujuh elemen kemahiran insaniah yang telah dikemukakan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1 Tujuh Elemen Kemahiran Insaniah

Kod	Kemahiran
KI 1	Kemahiran Komunikasi (CS - Communication skills)
KI 2	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah (CTPS - Critical Thinking and Problem Solving)
KI 3	Kemahiran Kerja Pasukan (TS - Team Work Skills)
KI 4	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL - Lifelong Learning and Information Management)
KI 5	Kemahiran Keusahawanan (ES - Entrepreneurship skills)
KI 6	Etika dan Moral Profesional (EM - Ethics and Professional Morals)
KI 7	Kemahiran Kepimpinan (LS - Leadership skills)

Sumber: Modul Kemahiran Insaniah IPT (KPTM, 2006)

Terdapat banyak kajian yang lalu tentang kemahiran insaniah contohnya Abdul Ghani et al (2012) dalam kajian mereka menyatakan majikan sektor elektronik di Malaysia memerlukan jurutera yang menguasai kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran intrapersonal, kemahiran pengurusan maklumat, kemahiran interpersonal dan kemahiran berkomunikasi dengan baik namun hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa jurutera elektronik di Malaysia tidak menguasai kemahiran komunikasi dan kemahiran berfikir secara kritis. Hassan dan Safar (2010) telah menjalankan kajian untuk melihat perkaitan antara pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan hubungan antara aspek kecemerlangan diri bagi pembinaan sahsiah diri dan kepimpinan dengan aktiviti akademik. Dapatan menunjukkan responden memberi maklum balas positif terhadap sahsiah diri, kepimpinan dan aktiviti akademik menerusi aktiviti kokurikulum.

8.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu satu bentuk kajian yang melibatkan pengumpulan dan penganalisaan data berbentuk angka bagi tujuan menjangka, meramal dan mengenal pasti fenomena yang dikaji (Gay, Mills & Airasian, 2006). Kaedah tinjauan telah digunakan untuk mengumpul data daripada sampel kajian. Cohen, Manion dan Morrison (2007) menyatakan tiga kebaikan kaedah tinjauan, iaitu : a) melibatkan responden yang lebih ramai; b) membuat hubungan hasil kajian kepada sampel yang lebih besar; c) menghasilkan maklumat dan fakta yang boleh diuji dengan menggunakan pelbagai kaedah statistik untuk menjelaskan fenomena. Sampel kajian terdiri daripada 310 orang pelajar tingkatan Empat dari lima buah sekolah. Kajian ini menggunakan soal selidik bagi mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar pada peringkat sekolah.

10.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan adalah berdasarkan soalan kajian.

10.1 Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar

Jadual 2 menunjukkan maklumat yang berkaitan skor min, sisihan piawai dan status mengikut subdimensi Kemahiran Insaniah. Subdimensi kemahiran kerja berpasukan menunjukkan skor min yang paling tinggi berbanding subdimensi yang lain dengan skor min 3.83 dan sisihan piawai 0.64 dan berada pada tahap tinggi. Skor min subdimensi kedua tertinggi ialah kemahiran kepimpinan dengan skor min 3.77 dan sisihan piawai 0.66, diikuti kemahiran kritikal dan penyelesaian masalah dengan skor min 3.75 dan sisihan piawai 0.68. Subdimensi yang mempunyai skor min yang terendah ialah kemahiran komunikasi dengan skor min 3.67 dan sisihan piawai 0.62.

Jadual 2 : Tahap Kemahiran Insaniah Pelajar

Kemahiran Insaniah	Min	Sisihan Piawai	Status (simbol kekuatan)
Kemahiran Kerja Berpasukan	3.83	0.68	Tinggi
Kemahiran Kepimpinan	3.77	0.66	Tinggi
Kemahiran Kritikal dan Penyelesaian Masalah	3.75	0.64	Tinggi
Kemahiran Komunikasi	3.67	0.62	Tinggi

Dapatan menunjukkan semua subdimensi kemahiran insaniah responden berada pada tahap tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan Juliza Ezaida Jumelan (2014) dan Mohd Hasril Amiruddin, Isma Atiqah Nadiran, Fatin Liyana Zainudin dan Norhayati Ngadiman (2016), yang mendapati bahawa penguasaan kemahiran insaniah pelajar adalah pada tahap tinggi untuk semua elemen kemahiran insaniah. Ini merupakan tanda positif bahawa pelajar sudah menguasai kemahiran insaniah sesuai dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia apabila menggariskan lima matlamat kokurikulum yang hendak dicapai, iaitu: a) keseimbangan antara perkembangan emosi, mental, sosial, jasmani dan rohani; b) pengukuhan interaksi dan integrasi dalam kalangan pelajar; c) peningkatan minat, bakat dan kemahiran pelajar; d) pengukuhan dan pengayaan perkara yang dipelajari di dalam bilik darjah; e) pengisian masa lapang dengan berfaedah.

Seterusnya adalah dapatan kajian mengikut empat subdimensi kemahiran insaniah, iaitu kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan, kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah dan kemahiran komunikasi.

10.2 Subdimensi Kemahiran Kerja Berpasukan

Jadual 3 memaparkan maklumat subdimensi kemahiran kerja berpasukan dengan skor min, sisihan piawai dan tahap yang diperolehi mengikut item. Item 15 mendapat skor min tertinggi berbanding item lain, iaitu skor min 4.16 dengan sisihan piawai 0.81. Item 13 mendapat skor terendah dengan skor min 3.70 dan sisihan piawai 0.86. Walau bagaimanapun semua item menunjukkan skor min pada tahap tinggi.

Jadual 3 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Kerja Berpasukan

No. TS	Item	Min	SP	Status
13	Saya boleh berinteraksi dan bekerja dengan orang lain secara berkesan	3.70	0.85	Tinggi
14	Saya boleh mengambil tanggungjawab dalam kumpulan.	3.85	0.86	Tinggi
15	Saya menghormati kepercayaan orang lain.	4.16	0.81	Tinggi
16	Saya boleh memberi sumbangan kepada kumpulan.	3.84	0.76	Tinggi
17	Saya bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan.	3.73	0.86	Tinggi

Bekerja dalam pasukan atau 'kerja berjemaah' ini adalah selari dengan tuntutan agama dan tuntutan sosial. Dapatan ini disokong dengan dapatan Mohd Akmal Masud (2013) dalam kajian beliau yang membuktikan bahawa kemahiran subdimensi bekerja dalam pasukan diterap, disedari dan dikuasai oleh pelajar melalui aktiviti kokurikulum. Hamid (2012) dan Mustafa, Suradin, Ibrahim, Mastor, Salleh, Madar, dan Sulaiman, (2008) mendapati melalui aktiviti di sekolah seperti sukan, badan beruniform serta kelab dan persatuan, tiga elemen bekerja dalam pasukan amat tinggi diterapkan, iaitu kebolehan untuk berinteraksi sesama ahli kumpulan, kebolehan bekerjasama dengan ahli kumpulan untuk mencapai objektif yang sama dan kebolehan menghormati pendapat ahli kumpulan. Crebert et al., (2004) dalam kajian beliau terhadap pelajar Universiti Griffith mendapati bahawa kerja berpasukan juga merupakan faktor utama dalam menghasilkan pembelajaran berkesan. Mohd Hasril Amiruddin, Isma Atiqah Nadiran, Fatin Liyana Zainudin dan Norhayati Ngadiman (2016), juga mendapati kemahiran kerja berkumpulan mendapat skor min tertinggi berbanding subdimensi lain dalam kajian terhadap pelajar pelbagai jurusan Institut Kemahiran Mara, Johor Bahru. Kemahiran ini merupakan kemahiran yang paling kerap dipraktikkan oleh pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan semasa kegiatan kokurikulum di luar bilik darjah.

Semua item dalam subdimensi Kemahiran Kerja Berpasukan mendapat skor min yang tinggi. Item 15 mendapat skor tertinggi (*Saya menghormati kepercayaan orang lain*). Robinson (2009), menjelaskan dalam kajiannya bahawa aspek kerjasama pelajar dalam aktiviti kumpulan dalam kegiatan kokurikulum telah memupuk sikap toleransi dan hormat-menghormati. Pergantungan positif antara ahli-ahli kumpulan

bertujuan untuk mencapai matlarnat yang sama (Foster & Washington, 2009). Melalui aktiviti kokurikulum kemahiran bekerja dalam pasukan dapat diterapkan dengan berkesan kerana gerak kerja kokurikulum adalah gerak kerja kumpulan. Kemahiran bekerja dalam pasukan dapat meningkatkan kejayaan sesebuah organisasi khususnya organisasi sekolah dan memberi galakan kepada ahli supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat (Pitsoe dan Isingoma, 2014). Permainan khususnya bola sepak, bola jaring, hoki, bola keranjang memerlukan ahli pasukan bekerjasama jika ingin mencapai kejayaan atau kemenangan. Ahli dalam kumpulan bukan sahaja mengarnbil berat tentang pembelajaran diri sendiri malah pembelajaran rakan-rakan sekumpulan tanpa berasa sangsi terhadap ahli kumpulan (Omar, 2012). Kajian Alunawati Burhan dan Ahmad Esa et al., (2015), mendapati dalam pasukan hoki pelajar UTHM setiap ahli dilatih untuk fokus kepada matlamat menghasilkan permainan yang cemerlang. Pemain bekerjasama dalam mengatur strategi permainan supaya berjaya mencapai matlamat yang sama. Ahli pasukan diberi peluang untuk menyumbangkan idea dan pandangan dalam membaiki permainan dan membaiki strategi pasukan. Setiap ahli telah diperingatkan bahawa walaupun mereka mempunyai kepakaran tertentu namun mereka masih memerlukan antara satu sama lain.

10.3 Subdimensi Kemahiran Kepimpinan

Jadual 4 pula memaparkan maklumat subdimensi kemahiran kepimpinan berkaitan skor min, sisihan piawai dan status yang diperolehi mengikut item. Semua item untuk subdimensi memimpin berada pada tahap tinggi. Item 21 mendapat skor min tertinggi berbanding item lain, iaitu skor min 4.05 dengan sisihan piawai 0.77. Item 19 dan 22 mendapat skor terendah dengan skor min 3.68 dan sisihan piawai 0.86 dan 0.92.

Jadual 4 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Kemahiran Kepimpinan`

No LS	Item	Min	SP	Status
18	Saya mempunyai kemampuan mengenal pasti matlamat kumpulan	3.69	0.80	Tinggi
19	Saya mempunyai kebolehan untuk memimpin projek	3.68	0.85	Tinggi
20	Saya memberi fokus kepada tugas dan tanggungjawab yang diberi	3.89	0.83	Tinggi
21	Saya boleh bertoleransi dengan rakan yang berbeza pandangan	4.05	0.77	Tinggi
22	Saya cenderung untuk membuat keputusan secara berkumpulan	3.68	0.92	Tinggi

Subdimensi kemahiran kepimpinan merupakan subdimensi kedua tertinggi bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Rohanida Abdul Manaf dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002) yang mendapati aktiviti kokurikulum di sekolah berupaya membentuk dan mengembangkan kemahiran kepimpinan individu. Kajian Mahoney (2000) juga mendapati pelajar yang aktif berjaya meningkatkan aspek personaliti mereka iaitu keyakinan diri, kerjasama dan kemahiran kepimpinan. Dapatan ini juga disokong oleh dapatan Ahmad Esa, Kamarudin Khalid, Sarebah Warman dan Aida Ilyani Ali (2014) dan Fincher dan Shalka (2009) yang menunjukkan pelajar dapat menguasai kemahiran kepimpinan melalui aktiviti kokurikulum.

10.4 Subdimensi Pemikiran Kritikal dan Penyelesaian Masalah

Jadual 5 memaparkan maklumat subdimensi kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah berkaitan skor min, sisihan piawai dan status yang diperolehi mengikut item. Item 11 mendapat skor min tertinggi berbanding item lain, iaitu skor min 3.90 dengan sisihan piawai 0.75. Item 8 mendapat skor terendah dengan skor min 3.68 dan sisihan piawai 0.84. Semua item memperoleh skor min pada tahap tinggi.

Jadual 6 Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Kemahiran Kritikal dan Penyelesaian Masalah

Item CTPS	Kemahiran Insaniah	Min	SP	Status
8	Saya boleh mengenal pasti masalah dalam pelbagai keadaan	3.68	0.83	Tinggi
9	Saya mengenal pasti punca masalah sebelum menyelesaikan masalah	3.87	0.86	Tinggi
10	Saya akan menyelesaikan masalah yang rumit dengan berhati-hati	3.72	0.85	Tinggi
11	Saya mengambil kira pelbagai pandangan dalam penyelesaian masalah	3.90	0.74	Tinggi
12	Saya boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi	3.72	0.84	Tinggi

Kemahiran kritikal dan penyelesaian masalah pelajar juga berada pada tahap tinggi selaras dengan dapatan Kamalularifin Subari, Mahanis Mohamad, Nor Fadila Mohd Amri, Asnul Dahar Minghat, Sarimah Ismail, Yusri Kamin (2013) bahawa kemahiran penyelesaian masalah pelajar berada pada tahap tinggi. Mohd Hasril Amiruddin, Isma Atiqah Ngadiran, Fathin Liyana Zainudin, Norhayati Ngadiman, (2016) dalam kajian mereka juga mendapati skor min untuk pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah berada pada tahap tinggi ($M=4.05$). Proses pendidikan menjadi wadah pembinaan modal insan yang berkesan. Pendidikan yang berkesan berupaya membekalkan modal insan yang kritis, kreatif dan inovatif serta berkemahiran tinggi yang menjadi penentu kepada pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah negara (PPPM 2013-2025. KPM, 2012). Ini selaras dengan misi nasional untuk melahirkan warga negara yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif.

Semua item untuk subdimensi ini berada pada tahap tinggi ($M = 3.68$ hingga $M = 3.90$). Ini menunjukkan pelajar dalam kajian berkeupayaan menyelesaikan masalah. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Higgins, Hall, Baumfielda dan Moseley (2005), yang mengesan kebolehan pelajar berfikir secara kritikal semasa pelajar dikehendaki mengumpul maklumat dan bahan untuk tugas mereka. Memandangkan pada zaman ini, pelbagai maklumat boleh diperolehi dengan mudah di hujung jari, maka pelajar perlu menggunakan pemikiran kritikal mereka untuk menyaring, memilih dan menentukan maklumat yang betul dan berkualiti. Pembelajaran Abad ke-21 juga menekankan aspek kemahiran berfikir dan kemahiran penyelesaian masalah sebagai elemen penting (PPPM 2013-2025). Penekanan terhadap elemen ini bertujuan mendekatkan pelajar dengan masalah dalam dunia sebenar (Zuriawahida Zulkifli, 2016).

Analisis item menunjukkan item 11 mendapat skor paling tinggi (*Saya mengambil kira pelbagai pandangan dalam penyelesaian masalah*). Ini menunjukkan pelajar suka menggunakan perspektif holistik dalam menyelesaikan masalah dan mengambil kira pandangan orang lain dalam menyelesaikan masalah. Pihak KPM sedang berusaha untuk menambah baik sistem pendidikan bagi melahirkan pelajar yang bersifat global, berdaya saing dan memiliki unsur-unsur kemahiran berfikir aras tinggi. Transformasi sistem pendidikan menekankan dua aspirasi iaitu aspirasi sistem pendidikan dan aspirasi murid. Elemen aspirasi murid menekankan penguasaan kemahiran kognitif, iaitu: a) pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif; b) penyelesaian masalah dan penaakulan dan c) keupayaan belajar (PPPM 2013-2025, KPM, 2012). Menurut Noor Azyani Abd Jalil dan Ahmad Esa (2012), pemupukan daya fikir pelajar penting dalam usaha meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah pelajar supaya mereka dapat menyelesaikan masalah dalam kehidupan mereka secara bijaksana.

10.5 Subdimensi Kemahiran Komunikasi

Berdasarkan respon daripada sampel kajian, jadual 7 di bawah memaparkan maklumat berkaitan skor min, sisihan piawai dan status yang diperolehi mengikut item. Item 5 untuk subdimensi kemahiran komunikasi mendapat skor min tertinggi berbanding item lain, iaitu skor min 3.99 dengan sisihan piawai 0.84. Item 1 mendapat skor terendah dengan skor min 3.43 dan sisihan piawai 0.78. Item-item dalam subdimensi kemahiran komunikasi juga berada pada tahap tinggi.

Jadual 7 Taburan Min dan Sisihan Piawai Subdimensi Kemahiran Komunikasi

CS	Kemahiran Insaniah	Min	SP	Status
1	Saya boleh menyampaikan idea dengan jelas	3.43	0.77	Tinggi
2	Saya mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif	3.73	0.82	Tinggi
3	Saya boleh membuat pembentangan dengan penuh keyakinan	3.44	0.90	Tinggi
4	Saya boleh berbincang untuk mencapai persetujuan	3.82	0.74	Tinggi
5	Saya boleh berkomunikasi dengan pelajar berlainan latar belakang dan budaya	3.99	0.83	Tinggi
6	Saya boleh menggunakan kemahiran teknologi untuk pembentangan	3.76	0.87	Tinggi

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Kamalularifin Subari, Mahanis Mohamad, Nor Fadila Mohd Amri, Asnul Dahar Minghat, Sarimah Ismail, Yusri Kamin, (2013) yang menunjukkan pelajar Institut Latihan Perindustrian berada pada tahap sederhana untuk subdimensi kemahiran komunikasi. Abdul Rahman (2010) menyatakan punca kegagalan seseorang adalah kerana kurang kemampuan untuk berinteraksi secara positif dengan alam sekeliling. Kemahiran komunikasi sangat penting dalam semua bidang dan memainkan peranan yang besar dalam kehidupan manusia dan merupakan suatu elemen penting yang harus dikuasai oleh pelajar sama ada bagi memenuhi keperluan

mereka untuk proses pembelajaran atau persiapan untuk dunia pekerjaan atau dalam proses interaksi sosial (Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang, 2014). Dapatan ini juga disokong oleh kajian William (2015) yang mendapati pelajar jurusan Teknologi Informasi kurang menguasai kemahiran komunikasi.

Item 5 mendapat skor paling tinggi yang menunjukkan pelajar selesa berkomunikasi dengan pelajar yang berlainan latar belakang dan budaya. Masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mengamalkan budaya dan menggunakan bahasa yang berbeza bukan penghalang kepada mereka untuk berkomunikasi. Ini membuktikan bahawa Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang dilaksanakan berjaya memupuk perpaduan dalam kalangan murid dan pelajar sekolah. Suzana Sulaiman (2013), dalam kajian terhadap pelajar UNIMAP mendapati pelajar menunjukkan kecenderungan memberi persepsi yang positif terhadap hubungan antara etnik dalam kehidupan seharian.

10.6 Perbezaan Min Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Berdasarkan Jantina

Ujian-t sampel tak bersandar dan Ujian *Anova Satu Hala* telah digunakan untuk membandingkan antara dua min bagi satu pemboleh ubah bebas untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min yang bermakna (signifikan) atau tidak terhadap pemboleh ubah bersandar. Berikut ialah jadual yang menunjukkan penguasaan kemahiran insaniah mengikut jantina.

Jadual 8 : Perbezaan Min Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Mengikut Jantina

Pemboleh Ubah	Jantina	N	M	SP	Dk	t	P
Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah	Lelaki	79	3.67	.52	308	-2.322	0.51
	Perempuan	231	3.82	.48	-	-	-

Bagi menentukan perbezaan tahap penguasaan kemahiran insaniah mengikut jantina analisis ujian-t sampel tak bersandar telah digunakan. Jadual 8 menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap penguasaan kemahiran insaniah antara pelajar lelaki ($M = 3.67$) dan pelajar perempuan ($M = 3.82$) dengan nilai $t = -2.322$ dengan $p > 0.05$. Perbezaan min antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah tidak signifikan. Dari analisis statistik inferens ini, maka hipotesis nol H_0 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan tahap penguasaan kemahiran insaniah mengikut jantina gagal ditolak. Kesimpulan yang boleh dibuat ialah pelajar lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan dalam penguasaan kemahiran insaniah pada peringkat sekolah.

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dilaksanakan Nurul Salmi Md. Dazali dan Isha Awang (2014) yang menunjukkan tiada perbezaan tahap kemahiran generik antara pelajar lelaki dan perempuan jurusan pendidikan di Universiti Utara Malaysia. Shariffah Bahyah Syed Ahmad (2013), juga mendapati tidak terdapat perbezaan tahap penguasaan kemahiran insaniah antara pelajar lelaki dan perempuan dalam kajian beliau. Namun Ang (2015), dalam kajian beliau mendapati siswazah perempuan lebih menyedari tentang keperluan kemahiran insaniah berbanding lelaki. Dapatan Azmi, Hashim dan Yusof (2018), juga menunjukkan siswazah perempuan lebih baik dalam kemahiran insaniah dan kemahiran teknikal berbanding siswazah lelaki.

10.7 Perbezaan Min Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Mengikut Bangsa

Berdasarkan jadual 9, subjek kajian dibahagi kepada empat kumpulan etnik, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara empat kumpulan etnik pada aras signifikan $p < 0.05$ dalam skor tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar mengikut bangsa dengan nilai $F(3, 306) = 6.469$, $p < 0.05$. Nilai $p < 0.05$ menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan tahap penguasaan kemahiran insaniah mengikut bangsa. Hipotesis nol H_0 yang mengatakan tidak terdapat perbezaan tahap penguasaan mengikut bangsa ditolak.

Jadual 10 Ujian ANOVA Satu Hala Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Merentas Bangsa

	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara kumpulan	4.549	3	1.516	6.469	.000
Dalam kumpulan	71.730	306	.234	-	-
Jumlah	76.279	309	-	-	-

Perbandingan *Post-hoc* dijalankan menggunakan Ujian Tukey HSD menunjukkan terdapat perbezaan min skor yang signifikan tahap penguasaan kemahiran insaniah antara bangsa Melayu ($M = 3.84$, $SP = 0.476$) dan bangsa Cina ($M = 3.47$, $SP = 0.445$) tetapi tidak signifikan dengan bangsa India ($M = 3.77$, $SP = 0.547$) dan bangsa lain-lain ($M = 3.83$, $SP = 0.216$). Manakala bangsa Cina menunjukkan perbezaan min skor yang signifikan dengan Melayu dan India tetapi tidak signifikan dengan bangsa lain-lain. Bangsa India pula menunjukkan perbezaan dengan Cina tetapi tidak signifikan dengan bangsa Melayu dan lain-lain. Bangsa lain-lain pula tidak signifikan dengan bangsa Melayu, Cina dan India.

Tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar Melayu yang lebih tinggi daripada pelajar Cina mungkin disebabkan oleh penerapan nilai yang tinggi melalui pendidikan agama Islam. Perbezaan juga berlaku disebabkan oleh faktor budaya kerana Butera (2015), mengatakan "*culture is the heart of diversity by its very nature*" dan beliau menegaskan bahawa perlakuan manusia banyak dipengaruhi oleh budaya, sikap dan kepercayaan.

Secara keseluruhan, keputusan kajian menunjukkan pelajar menguasai kemahiran insaniah pelajar seperti dihasratkan oleh KPM. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan penguasaan kemahiran insaniah mengikut jantina namun terdapat perbezaan penguasaan kemahiran insaniah mengikut bangsa.

11.0 IMPLIKASI KAJIAN

Kajian mendapati pelajar dalam sampel ini menguasai keempat-empat subdimensi kemahiran insaniah yang dikaji kerana mendapat skor yang tinggi. Dapatan jelas menunjukkan sistem pendidikan Malaysia berupaya menerapkan kemahiran insaniah kepada pelajar sama ada melalui kurikulum atau kokurikulum. Kemahiran bersifat sosial dan kemanusiaan sangat perlu untuk meningkatkan prestasi diri seorang pelajar (Suhaili Padil, Ahmad Esa, & Asri Selamat, 2013). Dapatan kajian menunjukkan penerapan elemen kemahiran komunikasi perlu ditingkatkan pada peringkat sekolah lagi kerana kajian menunjukkan mahasiswa kurang kemahiran untuk berkomunikasi terutama dalam bahasa Inggeris (Rusmin, 2010; Lim, Teck, Ching & Chui, 2016). Penerapan kemahiran insaniah kepada pelajar sekolah perlu dilakukan secara serius dan terancang sama ada melalui kurikulum atau kokurikulum supaya kesan boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Modul Kemahiran Insaniah yang sesuai kepada pelajar sekolah rendah dan menengah perlu dihasilkan supaya guru boleh merancang penerapan kemahiran insaniah secara implisit dan eksplisit mengikut aktiviti yang sesuai.

12.0 RUJUKAN

- Abd Hair Awang, Azimi Hamzah, Rahmah Ismail & Jegak Uli (2004) Kemahiran Boleh Kerja Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih. Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Siswazah Pengajian Pendidikan, UPM, 11 Sept 2004
- Abdul Rahman Abdul Aziz (2010). Kemahiran Sosial Asas. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Ghani, Kanesan Abdullah, Aziah Ismail, Mohamad Hanif Abdullah & Miduk Purba (2012) Acquired and required competencies in manufacturing sector graduates from employers and employees perspectives : The Malaysia case Edu Res. 2012 3(2): 126-138
- Ahmad Esa (2005). Pelaksanaan Kemahiran Generik Menerusi Kokurikulum Di Politeknik Bagi Memenuhi Keperluan Industri Di Malaysia. Kolej Universiti Tun Hussin Onn
- Ahmad Esa, Kamarudin bin Khalid, Sarebah binti Warman & Aida Ilyani Binti Ali (2014) Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajar UTHM Prosiding Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar(NAHSDEC)2014
http://eprints.uthm.edu.my/5610/1/Penerapan_dan_Kesedaran_Kemahiran_Kepimpinan.pdf
- Ahmad Esa, Mohd Khir Mohd Nor, Nawawi Jusoh, Norashidah Abd Rahman, & Zalinah Salehon. (2015). Citra Kokurikulum. Penerbit UTHM, Ed
- Ali @ Alik, A. 2012. Keberkesanan Penerapan Kemahiran Generik Dalam Kalangan Pelajar Institut Kemahiran Mara Di Sabah dan Sarawak. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana
- Ang, M.C.H. (2011). Graduate Employability Awareness: A Gendered Perspective, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 211, 192-198.

- Azmi, I. A. G., Hashim, R. C., & Yusoff, Y. M. (2018). The Employability Skills of Malaysian University Students. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 1(3), 01–14.
- Butera, P (2015). The Impact of Cross cultural Communication Skills on your Interpersonal dicapai pada <https://www.linkedin.com/pulse/impact-cross-cultural-communication-skills-our-patricia-butera/>
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research Method in education* 6th ed London: Routledge Falmer.
- Crebert, G. (2004). Developing Generic Skills At University, During Work Placement And In Employment: Graduates' Perceptions. *Higher Education Research and Development*, Volume 23-2004 – Issues 2. doi: [10.1080/0729436042000206636](https://doi.org/10.1080/0729436042000206636)
- Fincher, J., & Shalka, R.T. (2009). Co-Curricular Leadership Education : Considering Critical Questions. *Journal of Leadership Education*, 8(1), Summer 2009
- Foster, W. M., & Washington, M. (2009). Organizational structure and home team performance. *Team Performance Management*, 15(3/4), 158–171. doi:10.1108/13527590910964937
- Gay, L., Mills, G. & Airasian, P. (2006). *Educational research*. New Jersey: Ed: Pearson/Merril Prentice Hall.
- Hamid, R. (2012). Penerapan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Kokurikulum Sukan Bola Sepak Dalam Kalangan Pelajar UTHM. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Hassan, J. & A. Safar, S. (2010). Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Tesis. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. ri: <http://eprints.utm.my/10788/1/>
- Higgins, S., Hall, E., Baumfield V. & Moseley, D. (2005). A Meta-analysis of the impact of the implementation of thinking skills approaches on pupils. *Research Evidence in Education Library*. London: EPPI-Centre, Social Science Research Unit, Institute of Education, University of London
- Jackson, D. (2008). An International Profile of Industry-Relevant Competencies and Skill Gaps in Modern Graduate. The University of Western: Australia. http://www.heacademy.ac.uk/assets/bmaf/documents/publications/ijme/Vol8n_o3/3IJME288
- Juliza Ezaida bt Jumelan (2014). Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Badan Beruniform di UTHM. Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar http://eprints.uthm.edu.my/7089/1/JULIZA_EZAIDA_BINTI_JUMELAN_24.pdf
- Jurnal Pembangunan Belia Malaysia 1 Disember 2008.135-164. Kompetensi Tenaga Kerja
- Lim, Y-M, Teck, H.L., Ching, S.Y., & Chui, C.L. (2016). Employability skills, personal qualities, and early employment problems of entry-level auditors: Perspectives from employers, lecturers, auditors, and students. *Journal of Education for Business*, 91(4), 185–192
- Kamalularifin Subari., Mahanis Mohamad., Nor Fadila Mohd Amri., Asnul Dahar Minghat., Sarimah Ismail & Yusri Kamin (2013) Meninjau Kemahiran Insaniah Pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) Dalam Kerjaya. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013), hlm. 40-44
- Khaled Nordin. 2011. Meneraju Kegemilangan Ilmu. PutraJaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kung Teik Seng (2010) Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Tahap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum, Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia
- Laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan dan Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah (1993)
- Mahoney, J. L. (2000). School extracurricular activity participation as a moderator in the development of antisocial patterns. *Child Development*, 71, 502–516.
- Mashitah Hj. Ghazali (1994). Kegiatan Kokurikulum di Sekolah Membantu Membina Daya Kepimpinan di Kalangan pelajar Menengah ATAS Kolej Sultan Abdul Hamid UUM: Tesis Sarjana Pendidikan. “Tidak Diterbitkan”.
- McArdle, S., Waters, L., Briscoe, J., & Hall, D. (2007). Employability during Unemployment: Adaptability, career identity and human and social capital. *Journal of Vocational Behavior*, 71, 247-264
- Mohd. Akmal Masud (2013). Pembangunan kemahiran kerja berpasukan menerusi kursus pengurusan kokurikulum dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Mohd Hasril Amiruddin, Isma Atiqah Nadiran, Fatin Liyana Zainudin dan Norhayati Ngadiman (2016) Tahap kemahiran generik Malaysia dalam pengajaran dan pembelajaran: kajian Kes pelajar

- Institut Kemahiran Mara Johor Bahru. GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space 12 issue 3 (111 - 121) 111 Themed issue on technological, vocational and educational empowerment of Malaysia's human resource © 2016, ISSN 2180-2491 <file:///C:/Users/Acer/Downloads/17629-50250-1-PB.pdf>
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2007). Intervensi Pembangunan Organisasi Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Safarin & Mohd Zolkifli (2005). "Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti." Kertas Kerja Seminar Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Amnudin Yusof dan Borhan Yusof (2002) Kokurikulum, Peranan dan Implikasi Kuala Lumpur Utusan Publications and distributors Sdn Bhd
- Mohd Yusof H, Ramlee Mustapha, Syed A. Malik, & Seri Bunian M. (2012). Measurement Model of Employability Skills Using Confirmatory Factor Analysis. International Conference on Teaching and Learning in Higher Education. Seremban: Universiti Teknologi Malaysia. 11–12 April 2012
- Mohd Yusof Hussain, Mohamad Satar Rasul, Ramlee Mustapha, Syed A. Malik, Rose Amnah Abd Rauf (2013) Tahap Kemahiran Employability Pelajar Kejuruteraan Perspektif Majikan, Jurnal Teknologi, www.sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/135/135.
- Mustafa, M. Z., Suradin, A., Ibrahim, B., Mastor, S., Salleh, K. M., Madar, A. R., & Sulaiman, N. L. (2008). Penguasaan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Penyertaan Di Dalam Kokurikulum: Satu Tinjauan Di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan. Universiti Teknologi Malaysia: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. pp. 10-21.
- M.Z.Kamsah (2004). Developing Generic Skills In Classroom Environment: Engineering Students Perspective. Center for Teaching and Learning: Universiti Teknologi Malaysia
- Nik Zaidi Ismail. 2011. Peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum di sebuah sekolah menengah harian biasa luar bandar daerah Lipis, Pahang. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Noor Azina Ismail. (2011). Graduates' Characteristics And Unemployment : A Study Among Malaysian Graduates. International Journal of Business and Social Science-Vol. 2 No.16; September 2011.
- Noor Azyani A.Jalil, Ahmad Esa (2012). Kemahiran menyelesaikan masalah menerusi aktiviti kokurikulum (khidmat masyarakat) dalam kalangan pelajar UTHM Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2. 101.
- Norziana Ayob (2013) Peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum dari perspektif guru Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Keramat. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nurul Salmi Mohd Dazali, & Mohd Isha Awang, (2014) [Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia](#). Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ;Malay Language Education (MyLEJ), 4 (2). pp. 44-56. ISSN 2180-4842
- Omar, N.S. (2012). Kemahiran generik dalam kalangan pelajar kejuruteraan elektrik dan elektronik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana. Tidak Diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Pitsoe, V. J. & Isingoma, Peter (2014). How do school management teams experience teamwork: A case study in the schools in the Kamwenge district, Uganda. Mediterranean Journal of Social Science, 5(3) doi: 10.5901/mjss.2014.v5n3p138
- Quek (2005). Learning For The Workplace: A Case Study In Graduate Employees. Generic 33 Competencies. Journal of Workplace Learning. 17.231-242.
- Riam Chau Mai. (2012). Developing Soft Skills in Malaysian Polytechnic Students: Perspectives of Employers and Students. Asian Journal of Management Sciences and Education. 44–51.
- Robins, S.P. & Coulter, M. (2003) Management 8th edition Prentice Hall : Eaglewood Cliffs New Jersey.
- Robinson, L. J. (2009). The importance of leadership and group facilitation in learning communities. McMaster School For Advancing Humanity Journal. 89-93. Retrieved from <http://www.defiance.edulmedia/McMaster>
- Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). "Kepentingan. Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan." Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002) "Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

- Rusmin, R. (2010, Disember 06). Graduan ulat buku tak ke mana: tiga kelemahan nyata siswa ialah kurang kemahiran berkomunikasi, tidak pandai bawa diri, dan pemikiran kurang kritikal” dalam akhbar Harian Metro. Kuala Lumpur, Malaysia: <http://www.harianmetro.com>
- Seetha, N (2014) Are soft skills important in the workplace? A preliminary investigation in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 4(4)44-56. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v4-i4/751>
- Shamsaadal Sholeh Saad (2004). Konflik Remaja Masa Kini dan Cabaran Menanganinya. Kertas kerja Seminar
- Shariffah Bahyah Syed Ahmad. (2013). Soft skills level of Malaysian students at a tertiary institution: A comparative case study based on gender, area of residence and type of schools. *International Journal of Asian Social Science*, 3(9), 1929-1937.
- Suhaili Padli, Ahmad Esa & Asri Selamati (2013). Application of soft skills in architectural programme in polytechnics to meet industrial requirements. *Proceeding Malaysia International Technical HRD & 9th AASVET Conference 2013*. Asian Academic Society for Vocational Education and Training. 633-640.
- Wong Y.H. (2010). Service Quality In Higher Education. *International Journal of Quality and Service Sciences*, 2(2), 259-272. <https://doi.org/10.1108/17566691011057393>
- Zuriawahida Zulkifli (2016). Keberkesanan kaedah pembelajaran berasaskan masalah dalam meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.